



Pejabat Pendaftar

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597(03/13)
Tarikh : 1 April 2013
20 Jamadilawal 1434H

SPP UPSI BIL. 3 TAHUN 2013

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

Garis Panduan Mengenai Peraturan Berkaitan Penerimaan Sijil Sakit Swasta Untuk Tujuan Kemudahan Cuti Sakit Di Bawah Perintah Am 15 Bab C – Sijil Sakit Doktor Swasta

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2006 menjelaskan bahawa Kerajaan telah bersetuju meminda peraturan berkaitan penerimaan sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor (Hospital / Klinik) swasta untuk tujuan meluluskan kemudahan cuti sakit. Dengan pindaan ini, sijil sakit swasta yang dikeluarkan oleh doktor prevet adalah diterima seperti syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Sehubungan itu, mulai tarikh SPP ini dikeluarkan, seseorang pegawai (kakitangan) yang dirawat sebagai pesakit luar, sijil sakit yang dikeluarkan oleh klinik atau hospital swasta tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan hanya boleh diterima jika ia tidak melebihi 15 hari dalam sesuatu tahun kalendar. Sijil sakit yang seterusnya jika melebihi 15 hari dalam satu tahun kalendar perlu mendapat pengesahan/sokongan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan (*endorsement*).

4. Pelaksanaan penerimaan sijil sakit swasta ini juga terpakai kepada klinik panel yang dilantik oleh UPSI. Ini bermakna, sijil sakit yang dikeluarkan oleh klinik panel UPSI boleh diterima **tanpa perlu mendapatkan pengesahan/sokongan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan sekiranya tidak melebihi 15 hari sahaja**. Sijil sakit seterusnya perlu mendapatkan pengesahan/sokongan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan. Diharap dengan pelaksanaan ini, Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan dapat membuat pemantauan yang berkesan ke atas rekod kehadiran dan cuti kakitangan di bawah seliaan masing-masing. Bersama-sama ini di lampirkan garis panduan yang berkaitan untuk perhatian dan makluman Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"

Yang benar,

(DATO' RUSLEY BIN TAIB)

Pendaftar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**GARIS PANDUAN MENGENAI PERATURAN BERKAITAN PENERIMAAN SIJIL SAKIT SWASTA
UNTUK TUJUAN KEMUDAHAN CUTI SAKIT
DI BAWAH PERINTAH AM 15 BAB C – SIJIL SAKIT DOKTOR SWASTA**

1 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai peraturan penerimaan cuti sakit swasta untuk tujuan meluluskan kemudahan cuti sakit seperti mana yang diperuntukkan di dalam Perintah Am 15 Bab C.

2 Tafsiran

Bagi tujuan garis panduan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- a. *“Cuti Sakit”* bermakna cuti bergaji penuh yang diberi kerana sebab-sebab perubahan dengan mengemukakan Sijil Sakit dari seorang pegawai perubatan kerajaan atau lain-lain doktor yang diterima dan diberi bagi sakit atau kecederaan yang ada harapan untuk sembuh.
- b. *“Sijil Sakit”* bermakna sijil akuan sakit yang dikeluarkan oleh seorang pegawai perubatan kerajaan satu sebuah Lembaga Perubatan atau oleh seorang ahli panel doktor yang diluluskan oleh kerajaan.
- c. *“Pegawai Perubatan”* bermakna seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan bagi maksud Perintah Am 6 dan 32 Bab C termasuk seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian yang berkhidmat dengan sebarang Hospital Universiti atau Angkatan Tentera Malaysia.
- d. *“Doktor Prevet”* bermakna seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian swasta yang tidak berkhidmat dengan kerajaan Malaysia.
- e. *“Sijil Sakit Doktor Swasta”* “Ketua Jabatan boleh menerima, mengikut budi bicaranya sendiri, sebarang sijil sakit yang dikeluarkan oleh seseorang doktor swasta bagi tujuan meluluskan cuti sakit.

3 Latar Belakang

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2006 menjelaskan bahawa Kerajaan telah bersetuju meminda peraturan berkaitan penerimaan sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta untuk tujuan meluluskan kemudahan cuti sakit. Kemudahan cuti sakit boleh diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut;

- a. bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai **pesakit luar** di hospital atau klinik swasta, sijil sakit berkenaan tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima jika ia tidak melebihi 15 hari dalam sesuatu tahun kalendar; atau
- b. bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai **pesakit dalam** di hospital atau klinik swasta, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta tanpa sokongan oleh Pegawai

- e. Berdasarkan Perintah Am 6 (a) Bab F 1974, seseorang pegawai yang jatuh sakit dan tidak dapat hadir di pejabatnya, hendaklah mendapatkan Sijil Sakit dari pegawai perubatan atau Panel Doktor dan menghantarkan sijil tersebut kepada Ketua Jabatannya dengan seberapa segera yang boleh.
- f. **Penerimaan sijil sakit yang dikeluarkan oleh panel doktor yang dilantik oleh UPSI tanpa sokongan Pegawai Perubatan Kerajaan hanya boleh diterima jika tidak melebihi 15 hari sahaja dalam sesuatu tahun kalendar. Sijil Sakit seterusnya jika melebihi 15 hari perlu mendapat pengesahan/sokongan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan (*endorsement*) sepertimana yang dijelaskan pada Perenggan 5 (a) dan (b) di atas.**
- g. Perkara 5 (a) hingga 5 (f) hanya terpakai oleh **kakitangan tetap dan sementara sahaja**. Manakala bagi kakitangan kontrak, cuti sakit bergaji penuh hanya dibenarkan sehingga 15 hari sahaja. Sekiranya pegawai telah habis menggunakan kemudahan cuti sakit yang dibenarkan (15 hari) tetapi masih memerlukan masa untuk pulih, pegawai boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan untuk tidak hadir bertugas atas sebab-sebab kesihatan tidak melebihi 75 hari setahun dengan syarat pegawai mengemukakan sijil sakit yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan dan pegawai tidak layak dibayar sebarang emolumen bagi tempoh tersebut. Sekiranya pegawai masih tidak hadir bertugas atas sebab-sebab kesihatan melebihi tempoh 75 hari setahun, kontrak pegawai hendaklah ditamatkan (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008).
- h. Ringkasan peraturan tersebut adalah seperti berikut (kakitangan tetap dan sementara);

Kategori	Tempoh	Kuasa Melulus
Cuti Sakit (gaji penuh)	90 hari (pertama)	Ketua Jabatan
Cuti Sakit (gaji penuh)	90 hari (kedua)	Kuasa Tertentu (Pendaftar)
Cuti Rehat	Mengikut kelayakan	Ketua Jabatan
Cuti Sakit Lanjutan (separuh gaji tertakluk sekiranya ada Sijil Cuti Sakit)	90 hari	Kuasa Tertentu (Pendaftar)
Cuti Sakit Lanjutan(Tanpa gaji)	90 hari	Kuasa Tertentu (Pendaftar)

Tarikh Kuat Kuasa

Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.